



**INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA (INSTUN)
KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI (KeTSA)**

INFOGRAFIK @ UKUR BIL. 6/2022	
Tajuk	Strata: Apakah Kepentingan Hakmilik Strata?
Penulis	Sr Ismail bin Ibrahim Seksyen Kadaster, Bahagian Ukur & Pemetaan INSTUN

Hakmilik strata merupakan satu (1) dokumen geran yang dikeluarkan untuk pemilik unit di dalam skim strata. Antara pihak yang terlibat dalam urusan berkaitan permohonan hakmilik strata di Malaysia adalah Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PTG), Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pemaju dan Juruukur Tanah Berlesen (JTB).

Jenis bangunan yang boleh dipohon strata ialah bangunan jenis dua tingkat atau lebih dan ianya terletak di atas tanah bermilik yang dipegang sebagai satu lot di bawah hakmilik tetap sama ada hakmilik Pejabat Pendaftar atau Pejabat Tanah seperti pangsapuri, rumah kedai, kondominium dan rumah bandar. Bangunan yang telah siap dibina, cantuman lot tanah tidak dibenarkan kecuali bagi kes-kes yang memerlukan perkongsian harta bersama.

TAHUKAH ANDA?

APAKAH KEPENTINGAN HAKMILIK STRATA

1. **MERUPAKAN DOKUMEN BERTUDUKAN SARI PEMILIK PETAK**
 Hakmilik Strata merupakan satu dokumen yang merangkai maklumat berkaitan unit petak dan pemilik petak tersebut.
2. **MEMUDAHKAN URUSNIAGA PETAK**
 Buku pemilikan ini akan melancarkan urusan usniaga seperti pindahmilik, capaian, gadai dan pembahagian pusaka oleh pemilik petak.
3. **MEMBOLEHKAN PENUBUNGAN PERBADANAN PENGURUSAN (MC)**
 Pendaftaran hakmilik membentuk perbadanan pengurusan yang bertanggungjawab untuk menguruskan dan mentadbir skim strata yang telah didaftarkan.
4. **MEJAGA KEPENTINGAN PEMILIK PETAK**
 Buku pemilikan ini memberi hak kepada pemilik petak untuk :
 - Hak mengundi dalam JMB
 - Hak keatas harta bersama
 - Kewajipan membayar fi pengurusan

CONTOH

Gambar : Infografik Strata